

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

SEPTEMBER/OKTOBER 2000

**RLD 507 – GIS & TEKNOLOGI MAKLUMAT UNTUK
REKABENTUK LANDSKAP**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan sahaja.

1. Nyatakan **EMPAT** perbezaan diantara GIS dan CAD.

(20 MARKAH)

2. Bincangkan **TIGA** kaedah kombinasi peta untuk analisis alam sekitar. Sila guna lakaran.

(30 MARKAH)

3. Andaikan anda perlu menyediakan pelan induk untuk pembangunan suatu taman "eco-tourism". Bincangkan bagaimana GIS boleh digunakan bersama **SATU** kaedah kombinasi peta untuk menyediakan peta-peta yang menunjukkan kawasan yang perlu dipelihara, yang boleh dibangunkan atau yang boleh dibangunkan dengan mengambil langkah-langkah pemeliharaan yang wajar.

Nyatakan lapisan-lapisan peta (faktor), jenis data (polygon, line, point), kaedah kombinasi peta, dan hasil peta untuk membuat keputusan.

(70 MARKAH)

4. Secara ringkas bincangkan prinsip-prinsip normalisasi semasa merekabentuk sistem pangkalan data (RDMS).

(30 MARKAH)

5. Anda dikehendaki menyediakan satu pangkalan data untuk sebuah kebun yang menjual pokok-pokok dan tumbuhan. Pangkalan data ini perlu menyimpan rekod pelanggan dan jenis-jenis pokok yang dibeli.

Sila bincangkan struktur pangkalan data yang dicadangkan oleh anda. Guna lakaran. Pastikan bahawa struktur jadual untuk merekodkan bekalan pokok-pokok mematuhi sistem menamakan pokok (iaitu family, species dan lain-lain).

(70 MARKAH)